



4 April 2014
4 April 2014
P.U. (A) 92

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN PADI DAN BERAS (PELESENAN PEMBELI PADI) (PINDAAN) 2014

*CONTROL OF PADI AND RICE (LICENSING OF PADI
PURCHASERS) (AMENDMENT) REGULATIONS 2014*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KAWALAN PADI DAN BERAS 1994

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN PADI DAN BERAS (PELESENAN PEMBELI PADI)
(PINDAAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 29 Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pembeli Padi) (Pindaan) 2014.**

Pindaan peraturan 3

2. Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pembeli Padi) 1996 [P.U. (A) 625/1996] yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam subperaturan 3(1) dengan memotong perkataan “, atas permohonan secara bertulis.”.

Penggantian Jadual

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual dengan jadual yang berikut:

“JADUAL

BORANG

(Peraturan 3)

No. Siri:

AKTA KAWALAN PADI DAN BERAS 1994

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN PADI DAN BERAS
(PELESENAN PEMBELI PADI) 1996

LESEN MEMBELI PADI

No. Lesen :

No. Rujukan :

Lesen dikeluarkan kepada:

Nama perniagaan:

Alamat premis perniagaan:

untuk membeli dan menyimpan padi:

- * bagi maksud di kilang sendiri
- * bagi maksud dijual ke kilang
- * bagi maksud dibuat biji benih

di premis perniagaan di atas dan di storanya yang dinyatakan di bawah:

Lesen ini sah dari hingga

Pejabat yang mengeluarkan:

Tarikh dikeluarkan:

No. resit:

(Tandatangan Pemegang Lesen)

Ketua Pengarah

(Cop atau Meterai Rasmi)

Peringatan: Suatu permohonan untuk membaharui lesen hendaklah dibuat tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum tarikh tamat tempoh lesen itu.”.